

25 pain darah berjaya dikumpul



KEMPEN Derma Darah sempena Sambutan Hari Guru Ke-30 diadakan di Kementerian Pendidikan bagi warga kementerian berkenaan dan orang ramai (atas dan kiri).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Selasa, 29 September. - Sebanyak 25 pain darah berjaya dikumpulkan semasa Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Guru Ke-30 yang diadakan pagi tadi di Dewan Persidangan P1, Kementerian Pendidikan, di sini. Kempen tersebut merupakan anjuran dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit

Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan dengan kerjasama Bahagian Tabung Simpanan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan. Kempen berkenaan juga memberi peluang kepada para pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Pendidikan serta

orang ramai menderma bagi usaha membantu mereka yang memerlukan darah.

Tujuan kempen diadakan adalah bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-30, di samping mengeratkan silaturahim antara warga Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan serta orang ramai.

Kempen juga diharap dapat membantu menambah tabungan simpanan darah Hospital RIPAS sebagai usaha penyelamat nyawa dan melahirkan insan yang mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat serta aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dalam membantu golongan yang susah.

29 peserta bengkel lawat penBORNEO



ANTARA peserta yang mengikuti lawatan ke penBORNEO.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Selasa, 29 September. - Seramai 29 peserta Bengkel Asas Pemuliharaan Manuskrip dan Digitalisasi anjuran Jabatan Muzium-Muzium mengadakan lawatan ke Pusat Pengkajian Borneo (penBORNEO), di sini.

Lawatan ini bertujuan bagi mengongsikan mengenai jenis koleksi bahan-bahan manuskrip yang terdapat di penBORNEO serta asas pemeliharaannya kepada para peserta bengkel.

Para peserta terdiri daripada kakitangan Pusat Sejarah Brunei (PSB), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Jabatan Ukur, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kementerian

Pertahanan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Adat Istiadat Negara, Pusat Da'wah Islamiah, Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Dalam lawatan tersebut, Pegawai Sejarah penBORNEO, Dayang Mardiah binti Haji Ramli menyampaikan taklimat ringkas mengenai Koleksi Manuskrip penBORNEO. Manakala, taklimat mengenai Asas Pemeliharaan Rekod Manuskrip disampaikan oleh Pegawai Sejarah penBORNEO, Awang Muhammad Hefni bin Mahari.

Awang Muhammad Hefni ketika ditemui berkata, lawatan tersebut mendedahkan mengenai bahan-bahan rekod yang terdapat di pusat pengkajian berkenaan dan

memberikan sedikit asas mengenai pemuliharaan rekod kepada para peserta.

Jelas beliau, pemuliharaan rekod, termasuk manuskrip itu adalah penting kerana ia merupakan sumber utama bagi para penyelidik untuk mengkaji mengenai sejarah Borneo. Menurutnya lagi, manuskrip juga merupakan warisan negara dan identiti bangsa, lebih-lebih lagi manuskrip-manuskrip yang terdapat di pusat pengkajian itu adalah berasal dari Borneo.

Para peserta kemudian melawat koleksi bahan penyimpanan rekod, disusuli dengan tunjuk cara dan aktiviti asas pemuliharaan manuskrip. Lawatan itu merupakan salah satu komponen aktiviti bagi Bengkel Asas Pemuliharaan Manuskrip dan Digitalisasi yang bermula pada 28 September hingga 3 Oktober 2020.



AWANG Muhammad Hefni (kiri) menunjukkan peralatan yang digunakan dalam pemuliharaan manuskrip.

